

# Rakyat Responz platform salur aduan, cadangan



Paul (dua, kiri) bersalaman dengan Pengerusi Lembaga Penasihat BPA, Tan Sri Abdul Halim Ali selepas melancarkan Rakyat Responz dan Seminar Pengurusan Aduan 2016, semalam.

**PUTRAJAYA** - Biro Pengaduan Awam (BPA) semalam memperkenalkan Rakyat Responz, satu aplikasi telefon pintar bagi memberi kemudahan kepada orang ramai menyalurkan aduan dan cadangan secara terus kepada agensi kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low Seng Kuan berkata, aplikasi ini merupakan platform terbaharu, selain Sistem Pengurusan Aduan Awam yang sedia ada, bagi memastikan semua aduan awam

dapat diselesaikan dengan cekap, adil dan berkesan.

"Selain aduan, orang ramai juga dapat mengemukakan pertanyaan, cadangan dan penghargaan kepada agensi kerajaan.

"Setiap Kementerian, agensi dan jabatan ditetapkan sasaran tempoh masa 15 hari bagi menyelesaikan aduan dibuat.

"Ini akan menjadi sebahagian Petunjuk Prestasi Utama mereka," katanya selepas melancarkan Rakyat Responz dan Seminar Pengurusan

Aduan 2016 di sini.

Menurutnya, jaringan dan liputan Rakyat Responz merangkumi semua kementerian, jabatan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan.

Katanya, orang ramai boleh memuat turun aplikasi mobil Rakyat Responz daripada pautan <https://i.diaawi.com/qQixQv> sebelum diperluaskan ke App Store, Google Play dan Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (Gamma).

- Bernama